

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**  
**[RANTAU PANJANG]**  
**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 51**

**Y.B. PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM687 bilion pada tahun 2017 kepada RM741 bilion pada tahun 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, paras hutang Kerajaan Persekutuan meningkat disebabkan Kerajaan perlu membiayai defisit bajet tahunan yang mana pinjaman dilaksanakan untuk menampung belanja pembangunan. Bagi tahun 2018, hutang rasmi Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM686.8 bilion atau 50.7% daripada KDNK pada tahun 2017 kepada RM741 bilion atau 51.8% daripada KDNK. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion ini digunakan untuk membiayai defisit tahun 2018. Hutang rasmi ini tidak merangkumi pembayaran hutang oleh Kerajaan Persekutuan sebagai penjamin.
2. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baru pada setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman bagi membiayai semula hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (*surplus*) yang mencukupi untuk membiayai hutang dan perbelanjaan pembangunan. Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 - 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997, berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.
3. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampas sebarang krisis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO.52**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan tindakan dan strategi yang sedang dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membentangkan dasar dan hala tuju bagi memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tempoh sehingga tahun 2020 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kebelas (KSP RMKe-11), yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 18 Oktober 2018 yang lalu. Ini akan disusuli dengan pelan pembangunan tempoh pasca 2020 untuk merangka pembangunan sosioekonomi negara bagi tempoh sederhana dan panjang yang dijangka akan dibentangkan pada tahun hadapan. Dasar sosioekonomi yang diperkenalkan dalam KSP RMKe-11 ini akan melengkapi inisiatif Kerajaan dalam mengukuhkan lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya saing negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah negara maju dan inklusif. Bagi tujuan ini, enam tonggak dasar dengan 19 bidang keutamaan dan 66 strategi telah dikenal pasti dalam KSP RMKe-11 bagi meletakkan negara pada landasan yang betul.
2. Keutamaan dasar dalam menghadapi tahun-tahun yang akan datang ialah untuk mengimbangi usaha pengukuhan kedudukan fiskal dan objektif pertumbuhan ekonomi bagi menangani sentimen pasaran dan pelabur serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prospek ekonomi. Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat. Tumpuan akan terus diberi untuk menggalakkan pelaburan berkualiti daripada sektor swasta dengan menyemak semula insentif sedia ada dan menyediakan pelbagai dana (seperti Dana Pelaburan Berkaitan Kerajaan sebanyak RM2 bilion dan dana pelaburan bersama sebanyak RM50 juta) bagi menyokong perkembangan teknologi di samping memastikan pelabur tempatan mempunyai sokongan pembiayaan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Langkah dasar struktur serta program dan projek pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksanakan dengan cara yang lebih telus dan mampan dari segi kewangan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bermakna untuk rakyat. Amalan kewangan yang tidak telus dan terurus perlu diberhentikan serta ketirisan pada semua peringkat perlu ditangani. Inisiatif juga akan dirangka bagi menangani cabaran baharu dan memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat. Di samping itu, Kerajaan juga akan menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks. Usaha bersepadu ini akan meningkatkan produktiviti dan daya saing serta memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju dan inklusif.
  
4. Bagi melengkapi usaha di atas, pelbagai usaha dilaksanakan antara lainnya Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Februari 2019. Tujuan penubuhan EAC adalah bagi meneliti dan menangani isu berkaitan hal ehwal ekonomi dan kewangan serta kebajikan rakyat. Penubuhan EAC telah membentuk satu gabungan kepakaran daripada pelbagai pihak termasuk pemain industri yang membolehkan Kerajaan mendapat pandangan dan idea yang lebih menyeluruh dalam usaha untuk merangka dasar daripada perspektif alternatif dalam menyelesaikan isu-isu semasa rakyat. Selain itu, dasar yang akan dicadangkan oleh EAC lebih bersifat *action-oriented* dengan menyahut dan bertindak secara pantas ke atas maklum balas rakyat terhadap masalah yang mereka hadapi, khususnya dalam hal-hal berkaitan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
18 Mac 2018